



Rujukan: UKM3.2.8/244/6  
Tarikh: 6 Januari 2014

## PEKELILING CRIM BIL 1/2014

### Dekan-Dekan Fakulti Gugusan Sains Sosial

- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
- Fakulti Pengajian Islam
- Fakulti Pendidikan
- Fakulti Undang-undang
- UKM-Graduate School of Business (GSB)

### Dekan-Dekan Fakulti Gugusan Sains dan Teknologi


- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

### Dekan-Dekan/Pengarah Fakulti Gugusan Kesihatan dan Perubatan dan PPUKM

- Fakulti Perubatan
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu
- Fakulti Farmasi
- Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

### Pengarah Pusat/Institut

- Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
- Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
- Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
- Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)
- Institut Perubatan Molekul (UMBI)
- Institut Sains Angkasa (ANGKASA)
- Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
- Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
- Institut Sel Fuel (SELFUEL)
- Institut Islam Hadhari (HADHARI)
- Institut Kajian Etnik (KITA)
- Institut Informatik Visual (IVI)



MS ISO 9001: 2008 Reg No. : AR 5779

- Pusat Pengajian Umum (PPU)
- Pusat Pengajian Siswazah (PPS)
- Pusat Pembangunan Akademik (PPA)
- Pusat PERMATA Pintar
- Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA)
- Pusat Kepimpinan Wanita (PKW).

YBhg. Datuk/Dato'/Prof.,

#### LAPORAN PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN ( LAPORAN KEMAJUAN DAN LAPORAN AKHIR )

Saya dengan hormatnya sukacita memaklumkan bahawa UKM telah berjaya mengekalkan status Universiti Penyelidikan selepas penilaian semula prestasi penyelidikan pada tahun 2013. Laporan status pencapaian ini telahpun dibentangkan dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Bahagian bil. 6/2013 pada 26 November 2013. Dalam hal ini, UKM perlu terus berusaha untuk meningkatkan kecemerlangan dan memantapkan rantai penyelidikan melalui pelan penambahbaikan. Di antara penambahbaikan yang menjadi fokus utama adalah dari segi pemantauan projek penyelidikan yang menggunakan dana Universiti Penyelidikan dan dana luar (KPM/MOSTI/MOA).

Sehubungan dengan ini, CRIM memohon kerjasama YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan membantu untuk mendapatkan laporan kemajuan bagi semua projek penyelidikan setiap enam bulan (iaitu Jun/Julai dan Disember/Januari). Carta alir penghantaran Laporan Kemajuan Projek Penyelidikan adalah seperti di Lampiran A.

CRIM juga memohon kerjasama YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan membantu untuk mendapatkan laporan akhir bagi semua projek penyelidikan dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh tamat projek penyelidikan. Carta alir penghantaran Laporan Akhir Projek Penyelidikan adalah seperti di Lampiran B.

Untuk makluman YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan, CRIM akan menghantar emel peringatan kepada semua penyelidik mulai bulan Januari 2014 dan YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan diharapkan dapat memberi kerjasama membantu mendapatkan laporan kemajuan dan/atau laporan akhir mengikut format jenis geran yang telah ditetapkan (*hardcopy* dan *softcopy*) melalui Fakulti/Institut/Pusat masing-masing. Kesemua salinan *softcopy* hendaklah dikumpulkan dalam satu (1) CD. Senarai borang mengikut jenis geran boleh dicapai melalui <http://research.ukm.my>.

Kerjasama YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan memaklumkan perkara ini kepada semua ahli penyelidik di bawah pengawasan YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sukacita YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan untuk menghubungi Puan Syafura Abdul Halim (Tel: 03-8921 4679, emel: [psupp@ukm.my](mailto:psupp@ukm.my)).

Sekian.

Yang benar,




PROF. DR. CHE HASSAN CHE HARON  
Pengarah

s.k.

- YBhg Tan Sri Dato' Seri Naib Canselor UKM
- YBhg Dato' Timbalan Naib Canselor (hal-Ehwal Penyelidikan dan Inovasi ) UKM
- Fail UKM 3.2.8/244/4/4/2
- Fail UKM 3.2.8/244/6/1/9
- Fail UKM 3.2.8 /244/6/4/9
- Fail UKM 3.2.8/244/6/6/7
- Fail UKM 3.2.8/244/6/9
- Fail UKM 3.2.8/244/12/9
- Fail UKM 3.2.8/244/13/13/5
- Fail UKM 3.2.8/244/15
- Fail UKM 3.2.8/244/22/7
- Fail UKM 3.2.8/244/23/7
- Fail UKM 3.2.8/244/38

CARTA ALIR PENGHANTARAN LAPORAN KEMAJUAN PROJEK PENYELIDIKAN




## JADUAL KERJA PENGHANTARAN LAPORAN KEMAJUAN PROJEK PENYELIDIKAN

BIL	AKTIVITI	TINDAKAN
1	Hantar emel peringatan pertama kepada ketua projek dalam tempoh sebulan sebelum tarikh akhir penghantaran laporan kemajuan.	Pegawai CRIM
2	Hantar emel peringatan kedua kepada ketua projek dalam tempoh 14 hari sebelum tarikh akhir penghantaran laporan kemajuan.	Pegawai CRIM
3	Hantar Laporan Kemajuan kepada F/I/P dalam bentuk <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i>	Ketua Projek
4	Hantar Laporan kemajuan kepada CRIM satu (1) salinan <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i> dikumpulkan dalam satu (1) CD	Pegawai Fakulti/Institut/Pusat
5	Kemaskini penerimaan laporan kemajuan dalam SMPU	Pegawai CRIM
6	Maklum pengesahan penerimaan laporan kepada ketua projek dan disalinkan kepada F/I/P	Pegawai CRIM

### Dokumen Rujukan :

- Pekeliling CRIM Bil 6/2013
- UKM-SPKP-CRIM-PK02-GP01: Garis Panduan Pemantauan Projek Penyelidikan

CARTA ALIR PENGHANTARAN LAPORAN AKHIR PROJEK PENYELIDIKAN



## JADUAL KERJA PENGHANTARAN LAPORAN AKHIR PROJEK PENYELIDIKAN

BIL	AKTIVITI	TINDAKAN
1	Hantar emel peringatan pertama kepada ketua projek dalam tempoh sebulan sebelum tarikh tamat projek.	Pegawai CRIM
2	Hantar emel peringatan kedua kepada ketua projek dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh akhir penghantaran Laporan Akhir.	Pegawai CRIM
3	Hantar emel peringatan ketiga kepada ketua projek dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh akhir penghantaran Laporan Akhir.	Pegawai CRIM
4	Hantar Laporan Akhir kepada F/I/P dalam bentuk <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i>	Ketua Projek
5	Hantar Laporan Akhir kepada CRIM satu (1) salinan <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i> dikumpulkan dalam satu (1) CD	Pegawai Fakulti/Institut/Pusat
6	Kemaskini penerimaan Laporan Akhir dalam SMPU	Pegawai CRIM
7	Maklum pengesahan penerimaan laporan kepada ketua projek dan disalinkan kepada F/I/P	Pegawai CRIM

### Dokumen Rujukan :

- Pekeliling CRIM Bil 6/2013
- UKM-SPKP-CRIM-PK02-GP01: Garis Panduan Pemantauan Projek Penyelidikan